

Projek kunci air tertangguh jangka siap lebih awal

SABAK BERNAM – Pembinaan kunci air di Bagan Nakhoda Omar yang terbengkalai sejak empat tahun lalu dijangka dapat menangani masalah banjir yang melanda empat kampung terutama pada musim hujan.

Penyelaras Pusat khidmat Masyarakat (PKM) Dun Sungai Air Tawar, Ahmad Mustain Othman berkata, projek peruntukan daripada kerajaan negeri yang disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu berjalan lancar dan dijangka siap lebih

awal berbanding tarikh jangkaannya pada Disember depan.

Menurutnya, projek itu berdepan pelbagai masalah hingga memaksa JPS terpaksa melantik empat kontraktor bagi kerja pembinaan kunci air dapat direalisasikan bagi kemudahan beberapa kampung yang terlibat.

“Empat kampung yang berdepan masalah banjir setiap kali hujan ialah Bagan Nakhoda Omar, Tebuk Jawa, Teluk Rhu dan Tebuk Mufrat yang berada berhampiran antara satu sama lain,” katanya.

Ahmad Mustain berkata, ketiadaan kunci air itu sebelum ini hanya mengundang masalah kepada penduduk berikutan tanaman seperti pisang berangan yang masih kecil tenggelam dan musnah setiap kali banjir melanda.

Beliau berkata, pembinaan kunci air itu bertujuan melancarkan air parit dari kawasan kampung setiap kali hujan supaya dapat dibuang ke muara sungai sekali gus mengatasi masalah banjir yang sering melanda kawasan rendah di kampung terbabit.

Selain itu katanya, pembinaan kunci air yang tertangguh itu juga menjadi modal kempen kepada Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lalu bagi mempengaruhi pengundi di Dun berkenaan.

“Isu yang dimainkan ini menyebabkan antara punca utama Pas tewas di Dun Sungai Air Tawar dan kita harap dengan adanya projek ini, masalah banjir ini dapat diatasi sepenuhnya,” katanya.



Ahmad Mustain bersama salah seorang pegawainya melawat kerja pembinaan kunci air di Bagan Nakhoda Omar.